


GEOGRAFI TINGKATAN 1 CIKGU ZAINAL

GEOGRAFI TINGKATAN 1			
BAB	TOPIK	TARIKH	CATATAN
1	ARAH		
2	KEDUDUKAN		
3	PETA LAKAR		
4	LAKARAN PETA MALAYSIA		
5	BUMI		
6	BENTUK MUKA BUMI		
7	SALIRAN		
8	PENDUDUK DI MALAYSIA		
9	PETEMPATAN DI MALAYSIA		
10	BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN DI ASIA TENGGARA		
11	PENDUDUK DAN PETEMPATAN DI ASIA TENGGARA		
12	SUMBER AIR		
13	SISA DOMESTIK		

BAB
10BENTUK MUKA BUMI DAN
SALIRAN DI ASIA TENGGARA

10.1 Negara-negara di Asia Tenggara

1. Asia Tenggara merupakan rantau yang terletak di sebelah tenggara benua Asia. Oleh itu, negara-negara ini disebut Asia Tenggara.
2. Kedudukan rantau ini pada peta atau glob ialah di antara latitud 11°S hingga 28°U dan longitud 93°T hingga 135°T .
3. Garisan Khatulistiwa (0°) dan Garisan Sarton $23\frac{1}{2}^{\circ}\text{U}$ merentas rantau ini.
4. Rantau ini terdiri daripada sebelas buah negara dan meliputi kawasan seluas 4 506 600 km persegi.



Peta 10.1 Kedudukan negara-negara di Asia Tenggara

5. Asia Tenggara terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Tanah Besar Asia Tenggara dan Kepulauan Asia Tenggara. Perhatikan dan fahami peta dakap di bawah.



Input Ekstra

Kesemua negara di Asia Tenggara kecuali Timor Leste menganggotai Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau ASEAN.



Praktis Skil 1

- A. Jawab soalan-soalan di bawah dengan betul.

1 Namakan kesemua negara di Asia Tenggara.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____
- (f) _____
- (g) _____
- (h) _____
- (i) _____
- (j) _____
- (k) _____

2 Nyatakan kedudukan rantau Asia Tenggara.

- B. Lihat kedudukan negara-negara Tanah Besar Asia Tenggara dan Kepulauan Asia Tenggara dalam Peta 10.1, kemudian lengkapkan jadual di bawah atau bina peta pemikiran yang sesuai.

Negara Tanah Besar Asia Tenggara	Negara Kepulauan Asia Tenggara

10.2 Bentuk Muka Bumi di Asia Tenggara

Negara-negara di Asia Tenggara mempunyai pelbagai bentuk muka bumi, iaitu tanah tinggi, tanah pamah, sungai, pinggir laut, gunung berapi dan tasik.

Tanah Tinggi

- Kebanyakan banjaran gunung di Asia Tenggara berpunca dari Banjaran Himalaya (Pusaran Pamir) di utara India, menganjur ke Asia Tenggara, iaitu di Banjaran Arakan di Myanmar.
- Banjaran-banjaran lain seperti Banjaran Annam di Vietnam, Banjaran Bilaukaung di Thailand dan Banjaran Crocker di Malaysia.
- Sistem gunung di Asia Tenggara terdiri daripada sistem gunung lipat muda dan sistem gunung lipat tua.

Input Ekstra

Sebahagian kecil Asia Tenggara yang terletak dalam sistem gunung lipat muda terletak juga dalam Lingkaran Api Pasifik. Contohnya, pulau-pulau Sumatera, Jawa, Maluku, Nusa Tenggara, Sulawesi dan Filipina. Kawasan-kawasan ini mengalami gempa bumi dan gunung berapi.



Peta 10.2 Bentuk muka bumi tanah tinggi dan tanah pamah di Asia Tenggara

Tanah Pamah

- Tanah pamah di Asia Tenggara terdapat di lembah sungai dan delta.
- Kawasan yang rendah, rata dan mempunyai tanah aluvium sesuai untuk aktiviti pertanian seperti penanaman padi.
- Kawasan ini berpenduduk padat kerana petempatan dan jaringan perhubungan jalan raya dan kereta api mudah untuk dibina di sini.
- Sebagai contoh, Delta Mekong dan Delta Merah di Vietnam, Delta Irrawaddy di Myanmar dan Lembah Menam Chao Phraya di Thailand.

Pinggir Laut

- Laut utama yang terdapat di Asia Tenggara ialah Laut China Selatan, Laut Andaman, Laut Jawa, Laut Sulawesi dan Laut Sulu.
- Kesemua negara di Asia Tenggara mempunyai pinggir laut kecuali Laos.
- Pinggir laut di Asia Tenggara adalah cetek dan dikenal sebagai pentas benua.

Gunung Berapi

- Kebanyakan gunung berapi terdapat di Filipina dan Indonesia yang termasuk di dalam kawasan **Lingkar Api Pasifik**.
- Gunung berapi yang terdapat di Indonesia dan Filipina kebanyakan masih aktif. Contohnya, **Gunung Merapi**, **Gunung Krakatau** dan **Gunung Kerinci** di Indonesia. Manakala, di Filipina pula gunung berapi yang masih aktif seperti **Gunung Pinatubo** dan **Gunung Mayon**.

Input Ekstra

Delta Mekong dan Delta Merah sangat penting dalam pengeluaran makanan bagi negara Vietnam. Negara ini adalah antara negara pertanian terkaya di dunia dalam pengeluaran beras. Oleh itu, Vietnam merupakan antara pengeksport utama beras dunia.



Praktis Skil 2

Jawab soalan-soalan di bawah dengan jawapan yang betul.

- 1 Nyatakan empat bentuk muka bumi yang terdapat di Asia Tenggara.

(a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____

- 2 Apakah jenis tanah pamah yang terdapat di Asia Tenggara?

- 3 Namakan dua contoh kawasan tanah pamah yang terdapat di Asia Tenggara.

(a) _____

(b) _____

- 4 Namakan dua contoh gunung berapi di negara-negara berikut.

Indonesia:

(a) _____

(b) _____

Filipina:

(c) _____

(d) _____

10.3 Sungai dan Tasik Utama di Asia Tenggara

1. Sungai dan tasik memainkan peranan penting dalam kehidupan penduduk di Asia Tenggara.
2. Saliran ini membekalkan sumber protein, air tawar, tanah aluvium yang subur dan pelbagai kepentingan lain.
3. Lihat Peta 10.2 tentang sungai dan tasik utama di rantau ini.



Peta 10.3 Sungai dan tasik utama di Asia Tenggara

Sungai Mekong

- Sungai yang terpanjang (4 880 km) di Asia Tenggara.
- Sungai ini berpunca dari Dataran Tibet dan membentuk sempadan antara Thailand dengan Laos. Seterusnya menyaliri bahagian timur Kemboja dan berakhir di Vietnam.
- Cawangan utama Sungai Mekong ialah Nam Mun dan Nam Chi yang menyaliri Dataran Tinggi Korat.
- Kepentingan sungai ini:
 - membentuk delta yang luas sesuai untuk penanaman padi. Lebih 140 000 km persegi padi sawah ditanam di lembangan Sungai Mekong. Lebih 90 juta penduduk bergantung pada Sungai Mekong terutama pesawah padi.
 - sungai ini penting juga untuk aktiviti perikanan.



Peta 10.4 Sungai Mekong

Sungai Irrawaddy

- ☞ Sungai terpanjang (2 293 km) dan terpenting di Myanmar.
- ☞ Mengalir dari utara ke selatan negara Myanmar dan terus ke Laut Andaman.
- ☞ Kepentingan sungai ini:
 - membekalkan sumber air dan sumber protein.
 - menjadi jalan perhubungan dan pengangkutan penting kerana dapat dimudiki sehingga ke Bhamo (sejauh 1 450 km).
 - menjadi kawasan penanaman padi (Delta Irrawaddy) kerana tanahnya yang subur dan saluran yang baik.



Peta 10.5 Sungai Irrawaddy




Peta 10.6 Menam Chao Phraya

Menam Chao Phraya

- ☞ Sungai utama di Thailand yang mengalir dari Utara Thailand melalui Bangkok menuju ke Teluk Siam dengan jarak 372 km.
- ☞ Terdapat empat cawangan sungai utama, iaitu Me Ping, Me Wang, Me Yom dan Me Nam.
- ☞ Cawangan-cawangan ini bercantum di Nakhon Sawan dan membentuk dataran tanah pamah yang menganjur dari utara ke selatan di bahagian tengah negara Thailand.
- ☞ Kepentingan sungai ini:
 - menjadi kawasan tanaman padi kerana Lembah Chao Phraya kaya dengan tanah aluvium yang subur.
 - merupakan jalan pengangkutan utama di Thailand. Bandar raya Bangkok terkenal dengan pasar apung atau dikenal sebagai 'Venice Timur'.
 - mengangkut kayu balak dan barangan pukal.

Tonle Sap

- ☞ Tonle Sap atau Tasik Besar (2 569 km persegi) terletak di bahagian barat negara Kemboja.
- ☞ Tasik ini dihubungkan dengan Sungai Mekong melalui Sungai Tonle Sap dan membentuk tasik semula jadi yang terbesar di Asia Tenggara.
- ☞ Keluasan tasik ini boleh mencecah 4 700 km persegi pada musim hujan.
- ☞ Kepentingan sungai ini:
 - membekalkan sumber protein hasil daripada aktiviti perikanan air tawar.
 - penanaman padi yang meluas.
 - membekalkan sumber air untuk keperluan domestik penduduknya.
 - merupakan kawasan pelancongan kerana kapal dapat mudik ke kawasan tasik melalui Sungai Mekong untuk membawa pelancong.



Peta 10.7 Tonle Sap



Peta 10.8 Danau Toba

Danau Toba

- ☞ Danau Toba terletak di Sumatera Utara, Indonesia.
- ☞ Tasik ini terbentuk di kawasan pergunungan dan merupakan tasik vulkanik yang terbentuk hasil letusan gunung berapi antara 73 000 hingga 75 000 tahun yang lampau.
- ☞ Bersaiz 100 km panjang dan 30 km lebar serta anggaran kedalaman 500 m menjadikan tasik ini sebagai tasik terbesar di Asia Tenggara dan tasik vulkanik terbesar di dunia.
- ☞ Terdapat sebuah pulau yang dikenal sebagai Pulau Samosir yang terbentuk akibat pergerakan magma di bawah tasik.
- ☞ Kepentingan sungai ini:
 - membekalkan sumber air untuk keperluan domestik aktiviti pertanian.
 - kawasan pelancongan.

PRAKTIS


UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Bahagian A

1 Apakah negara yang terletak di Tanah Besar Asia Tenggara?

- I Filipina
- II Singapura
- III Vietnam
- IV Myanmar
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Berdasarkan Peta 1, apakah ibu negara bagi kawasan yang bertanda Z?



Peta 1: ASIA TENGGARA

- A Hanoi
- B Vientiane
- C Naypyidaw
- D Phnom Penh

3 Mengapakah kawasan tanah pamah di Asia Tenggara menjadi tumpuan penduduk?

- I Hampir dengan gunung berapi
- II Hampir dengan pinggir laut
- III Tanah subur untuk pertanian
- IV Mudah membina sistem pengangkutan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4 Apakah tanah tinggi yang terletak di Vietnam?

- A Banjaran Crocker
- B Banjaran Annam
- C Banjaran Bilauktaung
- D Banjaran Arakan Yoma

5 Negara manakah di Asia Tenggara yang tidak mempunyai pinggir laut?

- A Laos
- B Vietnam
- C Filipina
- D Singapura

6 Apakah negara di Asia Tenggara yang mempunyai gunung berapi yang masih aktif?

- I Filipina
- II Kemboja
- III Timur Leste
- IV Indonesia
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Apakah sungai yang terpenting di Myanmar?

- A Sungai Baram
- B Sungai Mekong
- C Sungai Irrawaddy
- D Menam Chao Phraya

8 Tasik yang manakah berkaitan dengan maklumat berikut?

- Tasik vulkanik terbesar di dunia
- Terbentuk hasil daripada letupan gunung berapi

- A Tonle Sap
- B Danau Toba
- C Sungai Mekong
- D Menam Chao Phraya

9 Apakah yang menyebabkan Danau Toba menjadi kawasan tumpuan pelancong?

- A Tasik vulkanik gunung berapi
- B Tasik air tawar yang paling luas
- C Mempunyai hidupan akuatik yang unik
- D Terletak di kawasan kepulauan Sumatera

10 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan maklumat di bawah?

- Kawasan pelancongan
- Tasik air tawar semula jadi yang terbesar di Asia Tenggara

- A Tonle Sap
- B Danau Toba
- C Sungai Irrawaddy
- D Menam Chao Phraya

Bahagian B

Soalan 1 berdasarkan maklumat di bawah.

- Asia Tenggara terletak di bahagian Tenggara Benua Asia
- Kedudukannya di antara latitud 11°S hingga 28°U dan longitud 93°T hingga 135°T

1 (a) Berapakah negara yang terdapat di Asia Tenggara?

_____ [1 markah]

(b) Nyatakan negara yang terletak di Kepulauan Asia Tenggara.

_____ [6 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah faktor yang membezakan negara yang terletak di Tanah Besar Asia Tenggara dengan Kepulauan Asia Tenggara?

_____ [3 markah]

Soalan 2 berdasarkan Foto 1.



Foto 1

2 (a) Apakah nama tasik dalam Foto 1?

_____ [1 markah]

(b) Nyatakan tiga kepentingan tasik tersebut.

- _____
- _____
- _____

[3 markah]

(c) Bagaimanakah tasik tersebut terbentuk?

_____ [2 markah]

(d) Terangkan ciri-ciri tasik tersebut.

_____ [4 markah]

Bahagian C

1 (a) Mengapakah Indonesia dan Filipina kerap mengalami kejadian gempa bumi dan gunung berapi?

[4 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah yang dapat dilakukan oleh negara-negara jiran untuk meringankan beban mangsa gempa bumi dan gunung berapi yang dialami oleh penduduk di Asia Tenggara?

[6 markah]